

# SC PHARMA HYDROGEN PEROXIDE TOPICAL SOLUTION 6% W/V

Mengandungi: Hydrogen Peroxide 6% w/v

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*
2. Bagaimana *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v* berfungsi
3. Sebelum mengambil *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*
4. Cara menggunakan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*
5. Semasa menggunakan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

## Apakah kegunaan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*

Sebagai pembasmi untuk pembersihan luka.

## Bagaimana *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v* berfungsi

*Hydrogen Peroxide* membunuh bakteria dengan mengoksidakan dinding sel mereka, mencuri electron daripada mereka dan mengganggu struktur kimia mereka.

## Sebelum mengambil *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*

## Bila tidak boleh mengambil

- Jangan gunakan ubat jika anda atau anak-anak anda mempunyai alahan kepada mana-mana bahan yang disenaraikan.
- Jangan gunakan ubat pada kulit yang normal.
- Dalam rongga badan tertutup atau luka-luka pembedahan.
- Untuk membasmi peralatan pembedahan.
- Produk ini boleh melunturkan fabrik.

## Sebelum mula mengambil

- Hamil atau Penyusuan Bayi  
Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil, mungkin mengandung atau menyusukan anak. Larutan *Hydrogen Peroxide* tidak harus digunakan semasa hamil atau semasa penyusuan bayi melainkan jika doktor telah memberitahu anda untuk membuat demikian.

- Jika Mengambil Ubat-ubat Lain  
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v*

### Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda

tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Untuk luka kecil, kulit melecet dan ulser:-  
Cairkan 1 bahagian peroksida dengan 1 bahagian air. Sapukan larutan yang telah dicairkan pada luka yang terjejas dengan menggunakan kapas. Biarkan sementara waktu untuk melepaskan oksigen, kemudian balutkan luka tersebut dengan plaster atau kain pembedahan.
- Penyingkiran pembedahan luka:-  
Cairkan 1 bahagian peroksida dengan 1 bahagian air. Basahkan pembedahan luka tersebut dengan larutan yang telah dicairkan, tunggu beberapa minit sebelum membuka pembedahan luka.

## Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v* ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

## Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

## Jika mengambil berlebihan (dos berlebihan)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini

# SC PHARMA HYDROGEN PEROXIDE TOPICAL SOLUTION 6% W/V

Mengandungi: Hydrogen Peroxide 6% w/v

---

perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v**

### Perkara yang perlu dilakukan

- Pakai sarung tangan pelindung / pakaian pelindung / pelindung mata / perlindungan muka.
- Pakai pakaian kalis api.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

JANGAN makan, minum atau merokok apabila menggunakan produk ini.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada

## **Kesan-kesan Sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan. *Hydrogen Peroxide* boleh mempunyai kesan sampingan, walaupun tidak berlaku kepada semua orang.

Kesan sampingan larutan yang kuat adalah:

Bakaran yang merangsang pada kulit dan tisu lembut badan yang lain, menghasilkan patch tisu mati. Kesakitan akan hilang selepas kira-kira satu jam.

Jika anda perasan ini atau apa-apa kesan sampingan yang lain, hentikan penggunaan dan beritahu doktor atau ahli farmasi. Mereka akan memberitahu anda apa yang perlu dilakukan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan SC Pharma Hydrogen Peroxide Topical Solution 6%w/v**

- Penyimpanan  
Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang hampir tidak berwarna.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif :  
*Hydrogen Peroxide 6%w/v*

- Bahan Tidak Aktif:  
*Benzoic acid 0.01%w/v*  
*Purified water*

### Nombor MAL

MALxxxxxxxxxC

## **Pengilang**

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.  
72, Lengkok Rishah 2,  
Taman Rishah,  
Kawasan Perindustrian Silibin,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.  
72, Lengkok Rishah 2,  
Taman Rishah,  
Kawasan Perindustrian Silibin,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

8/4/2019

## **Nombor Siri**

NPRA(R2)19/61